

13 NOV 1999

ADNAN JUMPA SEMUA WAKIL RAKYAT PAHANG SELASA INI

KUANTAN, 13 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob akan berjumpa dengan semua penyandang wakil rakyat Barisan Nasional (BN) di negeri ini Selasa ini sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum 29 Nov.

Katanya perjumpaan itu bagi menyampaikan amanat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno dan Pengerusi BN.

"Antara amanat itu ialah bahawa kita mesti menerima realiti yang ada antara kita nanti tidak akan dicalonkan semula," kata beliau selepas perjumpaan dengan kakitangan Radio Dan Televisyen Malaysia (RTM) di sini hari ini.

Beliau berkata mereka yang tidak dicalonkan nanti juga diharap membantu calon-calon baru sebagaimana mereka dibantu ketika mereka dicalonkan dahulu.

"Saya akan membantu presiden parti untuk menyiapkan senarai cadangan calon dan sudah pastilah saya berbincang dengan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Tan Sri Khalil Yaakob," kata beliau.

Adnan yang juga Ketua Penerangan Umno Negeri berkata setiap bahagian Umno sudah diminta mengemukakan senarai cadangan calon masing-masing kepada beliau.

Beliau berkata Umno negeri pula akan mengadakan pertemuan di Kuala Lumpur esok bagi membincangkan pelbagai perkara berkaitan pilihan raya umum.

-- BERNAMA

SHS NMO